



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	1/6/2021	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



Gajah liar memusnahkan tanaman penduduk di Jalan Subong, Gua Musang, pagi kelmarin. (Foto Ramli Ibrahim/BH)

Gajah liar musnah kebun pisang

Gua Musang: 20 penduduk lari bertempiran selepas tersempak dengan dua gajah jantan liar berkeliaran dalam kebun pisang mereka, di Jalan Subong, di sini jam 7 pagi kelmarin.

Mereka yang menoreh getah dan membersihkan kebun terkejut terlihat gajah jantan memusnahkan pokok pisang sebelum mereka melarikan diri bagi mengelakkan kejadian tidak diinginkan berlaku.

Menurut mereka, sebelum ini seekor gajah liar jantan mengaum dan memusnahkan kebun di kawasan berhampiran sudah di-

tangkap oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan dipindahkan ke Taman Negara, dua bulan lalu.

Seorang penduduk Kampung Lembaga, Mohamad Hanifa Mohd Zain, 29, berkata dua gajah liar itu dipercayai berada di kawasan itu seminggu lalu.

“Saya terdengar bunyi pelik dalam kawasan kebun sebelum ternampak dua gajah jantan memusnahkan pokok pisang. Saya bersama penduduk lain terus lari keluar daripada kawasan itu.

“Orang kampung semuanya ta-

kut untuk ke kebun sama ada untuk membersihkan kebun pisang atau menoreh getah yang kebiasaannya bermula seawal jam 2 pagi,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Seorang lagi penduduk, Rosdi Ayub, 52, berkata kejadian gajah liar memusnahkan kebun pisang penduduk adalah kali kedua berlaku dalam tempoh tiga bulan ini.

“Kita harap jabatan terbabit mengambil tindakan menangkap dua gajah liar itu kerana bimbang boleh mengancam keselamatan penduduk,” katanya.